LAPORAN TAHUNAN 2015

LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN

SABAH & SARAWAK

KANDUNGAN LAPORAN

KANDUNGAN LAPORAN i

PENGENALAN 1

LATAR BELAKANG 1

VISI 1

MISI 1

OBJEKTIF 1

TERAS STRATEGI 2

BIDANG KUASA DAN FUNGSI 2

LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH 4

PERUTUSAN PENGERUSI LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH 5

PERUTUSAN PENGARAH LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH 6

AHLI LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH TAHUN 2015 8

STRUKTUR ORGANISASI LPKP SABAH 12

PIAGAM PELANGGAN LPKP SABAH 13

1. PRESTASI 14

1.1 BELANJA MENGURUS DAN KUTIPAN HASIL 14

1.2 PERJAWATAN 15

1.3 MESYUARAT LEMBAGA 15

1.4 PERMOHONAN LESEN 15

1.5 RAYUAN 17

1.6 PENDAFTARAN LESEN BARU 18

1.7 KEDUDUKAN LESEN TERKUMPUL 19

1.8 ADUAN DAN PENGUATKUASAAN 21

1.9 DASAR-DASAR DAN PERATURAN-PERATURAN BARU TAHUN 2015 24

1.10 PROGRAM PROAKTIF LPKP SABAH TAHUN 2015 25

1.11 PROSPEK 27

2. PENUTUP 28

LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK 36

PERUTUSAN PENGERUSI LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK 37

PERUTUSAN PENGARAH LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK 39

AHLI LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK TAHUN 2015 41

STRUKTUR ORGANISASI LPKP SARAWAK 46

PIAGAM PELANGGAN LPKP SARAWAK 46

1. PRESTASI 48

1.1 BELANJA MENGURUS DAN KUTIPAN HASIL 48

1.2 PERJAWATAN 49

1.3 MESYUARAT LEMBAGA 49

1.4 PERMOHONAN 49

1.5 RAYUAN 51

1.6 PENDAFTARAN LESEN BARU 52

1.7 KEDUDUKAN LESEN TERKUMPUL 53

1.8 ADUAN DAN PENGUATKUASAAN 54

1.9 DASAR-DASAR DAN PERATURAN-PERATURAN BARU TAHUN 2015 59

1.10 KAUNTER BERGERAK / *FYING SQUAD* LPKP SARAWAK TAHUN 2015 61

1.11 GAMBAR AKTIVITI LPKP SARAWAK SEPANJANG TAHUN 2015 64

1.12 PROSPEK 68

2. PENUTUP 69

PENGENALAN

LATAR BELAKANG

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) telah ditubuhkan di bawah Seksyen 3 Akta LPKP 1987 (Akta 334) bertujuan untuk melaksana dan menguatkuasa akta tersebut serta kaedah-kaedah yang telah diperuntukkan di bawahnya mengenai pelesenan dan pengawalseliaan kenderaan perdagangan dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Pada tahun 2009, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah dan Sarawak telah diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan menguatkuasakan Akta LPKP 1987 (Akta 334) setelah pembubaran Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Ibu pejabat LPKP Sabah terletak di **Kota Kinabalu**, manakala, dua (2) pejabat cawangan terletak di **Tawau** dan **Sandakan**.

Ibu pejabat LPKP Sarawak pula terletak di **Kuching**, LPKP Sarawak turut mempunyai dua (2) pejabat cawangan iaitu (Zon Utara) di **Miri** dan (Zon Tengah) di **Sibu**.

VISI

“Peneraju Transformasi Perkhidmatan Kenderaan Perdagangan Bertaraf Dunia”

MISI

“Memastikan Perkhidmatan Pelesenan Kenderaan Perdagangan Berdaya Saing Tinggi, Telus, Berintegriti Dan Bersepadu”

OBJEKTIF

a) Merancang dan mewujudkan dasar dan syarat-syarat pelesenan kenderaan perdagangan.

b) Melaksana dasar, polisi dan syarat-syarat pelesenan yang telah ditetapkan.

c) Menggalakkan pelanggan yang berpotensi untuk berlesen dengan LPKP.

d) Memantau dan menilai impak pelaksanaan dasar, polisi dan syarat-syarat pelesenan.

e) Mempertimbangkan dan meluluskan permohonan baharu, membaharui dan ubah syarat lesen kenderaan perdagangan berasaskan keperluan semasa.

f) Menguatkuasakan peruntukan undang-undang di bawah Akta LPKP 1987 (Akta 334) dan kaedah-kaedah berkenaan.

g) Memantau pematuhan undang-undang oleh pengusaha kenderaan perdagangan.

h) Menyelesaikan aduan masyarakat terhadap perkhidmatan kenderaan perdagangan.

i) Meningkatkan aspek-aspek keselamatan, keselesaan dan keceriaan pengangkutan awam

TERAS STRATEGI

a) Mewujudkan peluang perniagaan melalui pemberian lesen kenderaan perdagangan kepada organisasi atau individu yang berkelayakan dan berminat dalam bidang ini.

b) Memberi latihan dan khidmat nasihat kepada pengusaha kenderaan perdagangan melalui kursus dan dialog bagi mengembangkan budaya keusahawanan dan meningkatkan kefahaman mereka tentang dasar serta peraturan baru LPKP.

c) Mewujudkan dasar dan peraturan baru bagi melindungi hak dan kepentingan pengusaha serta pengguna.

d) Mewujudkan suasana yang kondusif bagi melahirkan usahawan berdaya saing supaya kekal dan lebih kreatif dalam usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan.

BIDANG KUASA DAN FUNGSI

Bidang kuasa dan fungsi LPKP Sabah dan Sarawak sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta LPKP 1987 (Pindaan 1998) adalah seperti berikut:

a) Menimbang dan meluluskan permohonan untuk mendapatkan lesen baru, membaharui dan ubahsyarat bagi semua kelas lesen kenderaan perdagangan di seluruh negeri Sabah dan Sarawak masing-masing;

b) Mengenakan syarat-syarat ke atas semua kelas lesen kenderaan perdagangan yang meliputi penetapan kadar tambang, penentuan peringkat tambang, jadual perjalanan, bilangan penumpang, kawasan operasi, berat dan jenis barang-barang, hal-hal pengendalian dan syarat-syarat khas yang lain;

c) Menggantung, membatal atau mengenakan apa-apa hukuman yang sesuai atas mana-mana kelas lesen kenderaan perdagangan yang disabitkan kesalahan melanggar syarat lesen atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta LPKP 1987 (Pindaan 1998) serta kaedah-kaedah yang diperbuat dibawahnya serta undang-undang lain yang berkuatkuasa;

d) Menentukan tempoh kuatkuasa lesen bagi semua kelas lesen kenderaan perdagangan;

e) LPKP Sabah: mengeluarkan semua lesen kenderaan perdagangan dan pengangkutan awam untuk negeri Sabah dan lesen sementara ke atas kenderaan perdagangan dari Sarawak, Brunei dan Kalimantan (Indonesia) yang memasuki Sabah;

f) LPKP Sarawak: melesenkan kenderaan perdagangan dari Sabah, Brunei, dan Kalimantan Barat Indonesia atau negara lain yang dibenar beroperasi di Sarawak;

g) Membuat kajian laluan baru sebelum memberi pertimbangan ke atas permohonan untuk mendapatkan lesen bas bagi laluan-laluan yang dipohon;

h) Mengumpul rekod, penyata kewangan, statistik atau dokumen lain berhubung perniagaan pemegang lesen kenderaan perdagangan;

i) Menentukan prosedur permohonan, memproses dan menimbang permohonan lesen, mengenakan bayaran, menetapkan penalti dan menentukan tanda pengenalan kepada kenderaan perdagangan;

j) Melaksanakan tugas-tugas yang berhubung dengan penguatkuasaan ke atas syarat-syarat lesen kenderaan perdagangan.

LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH

PERUTUSAN PENGERUSI

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan keizinanNya maka Laporan Tahunan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah dan Sarawak bagi tahun 2015 ini berjaya diterbitkan. Laporan Tahunan ini bukan sahaja sebagai wadah untuk memaparkan program dan aktiviti LPKP sepanjang tahun malah turut menjadi sumber rujukan dan panduan yang berfaedah. Penerbitan laporan ini juga sudah tentu akan dapat menilai sejauhmana pencapaian dan program yang dilaksanakan sepanjang tahun disamping menjadi sumber rujukan kepada masyarakat umum.

Selari dengan kepesatan pembangunan ekonomi negeri Sabah, LPKP Sabah terus mengadakan usaha dalam mempertingkatkan kualiti perkhidmatan dan pengangkutan awam negeri Sabah melalui pelbagai program dan aktiviti yang dirancang sepanjang tahun ini. Keperluan untuk meningkatkan tahap perkhidmatan pengangkutan awam tanpa mengabaikan kesejahteraan pengguna adalah menjadi fokus utama yang mendorong LPKP Sabah mengemaskini dasar untuk disesuaikan dengan persekitaran semasa. Antaranya, adalah penetapan had usia bas sekolah, penguatkuasaan kadar tambang teksi bermeter, penyusunan zon operasi bagi bas berhenti-henti serta pelbagai lagi. Di samping itu, pengukuhan sistem penyampaian warga LPKP juga turut dititikberatkan dengan proses penambahbaikan Sistem Kenderaan Perdagangan (SIKAP), penyelarasan sistem kaunter serta usaha-usaha kualiti lain seperti mendapatkan pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) daripada pihak MAMPU. Usaha-usaha ini adalah cerminan kepada komitmen jitu warga LPKP Sabah dalam mengangkat kualiti penyampaian perkhidmatan serta kualiti perkhidmatan pengangkutan awam negeri Sabah ke taraf dunia.

Menyedari hakikat bahawa sektor pengangkutan awam bandar ini adalah merupakan salah satu daripada bidang keberhasilan utama negara, maka semestinya program-program penambahbaikan akan digandakan dalam usaha mewujudkan perkhidmatan pengangkutan awam yang bersepadu di negeri Sabah ini.

Akhir kata, sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada seluruh warga LPKP Sabah serta semua agensi Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan serta badan berkanun yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung atas komitmen dan kerjasama dalam menjayakan program-program yang telah dirancang sepanjang tahun ini. Semoga kualiti perkhidmatan dan pengangkutan awam negeri Sabah akan dapat dipertingkatkan dan setanding dengan kualiti perkhidmatan bertaraf dunia pada masa hadapan.

Y.B. DATO' MOHAMAMAD YUSUF BIN HJ. APDAL
PENGERUSI
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH

PERUTUSAN PENGARAH

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.

Alhamdulillah, terlebih dahulu saya memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T diatas penerbitan Laporan Tahunan LPKP 2015 ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat di dalam menjayakan laporan ini.

Pelbagai cabaran yang dihadapi oleh negara pada tahun 2015 seperti kemerosotan harga minyak global dan penyusutan nilai matawang ringgit telah sedikit sebanyak memberi kesan terhadap kerancakan industri kenderaan perdagangan di sabah. Senario ini telah menuntut warga LPKP sabah untuk berusaha dengan lebih giat bagi memastikan daya saing perkhidmatan kenderaan perdagangan terus meningkat.

Menyedari hakikat bahawa industri pengangkutan awam mempunyai peranan penting dalam pembangunan ekonomi negeri Sabah, usaha penambahbaikan berterusan dari semasa ke semasa dilaksanakan melalui kajian dan penilaian semula dasar kenderaan perdagangan di Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Dasar Penetapan semula had usia bas sekolah daripada tanpa had usia kepada 30 tahun, dan pelaksanaan tambang teksi bermeter adalah bertujuan untuk menaiktaraf mutu dan imej pengangkutan awam di sabah. Dasar serta strategi yang telah dilaksanakan oleh LPKP sabah menunjukkan impak positif yang boleh dilihat dari peningkatan pemohonan berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan ini membuktikan strategi serta dasar pelesenan oleh LPKP Sabah memberi impak yang kondusif terhadap industri kenderaan perdagangan di Sabah untuk terus berkembang pesat walaupun dalam persekitaran yang mencabar.

Bagi memastikan keberkesanan penguatkuasaan, LPKP Sabah akan terus menjalinkan kolaborasi yang erat khususnya bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dalam mengekalkan persekitaran perniagaan industri kenderaan perdagangan yang kondusif dan kompetitif serta memberi manfaat kepada pelesen khasnya dan rakyat amnya. Aspek kualiti, keselesaan dan nilai tambah perkhidmatan perlu diberi penekanan agar wujud persekitaran yang kondusif bagi industri kenderaan perdagangan terus berkembang, seterusnya menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi di Sabah khasnya dan Malaysia amnya.

Setiap kejayaan yang dikecapi sewajarnya menjadi pendorong untuk LPKP Sabah terus melangkah kehadapan. LPKP Sabah beriltizam untuk terus meneroka ruang-ruang penambahbaikan khususnya bagi memastikan pelaksanaan dasar dan peraturan relevan dengan peredaran masa. Aspek penguatkuasaan undang-undang dan peraturan pelesenan kenderaan perdagangan menerusi Akta LPKP 1987 (Akta 334) akan terus diberi penekanan. Penurunan jumlah aduan yang dicatatkan pada tahun 2014 boleh dijadikan salah satu indikator keberkesanan penguatkuasaan sedia ada serta untuk dimantapkan dari semasa ke semasa.

Alhamdulillah, usaha padu dan sokongan berterusan daripada agensi Kerajaan yang terlibat, LPKP Sabah juga mengambil beberapa langkah proaktif dalam mewujudkan sistem pengangkutan awam dengan menyusun atur laluan / kawasan operasi bas berhenti-henti serta menetapkan kod warna dan tanda badan bagi bas berhenti-henti bagi Daerah Tawau dan Sandakan. Pelaksanaan zon kawasan operasi ini akan terus dipanjangkan ke daerah-daerah lain secara berperingkat-peringkat pada masa hadapan. Dalam menjayakan program-program yang dirancang ini, LPKP Sabah juga sentiasa berusaha memastikan bahawa perundangan dan peraturan semasa adalah dipatuhi oleh pemilik dan pengusaha kenderaan perdagangan berkenaan.

Sesungguhnya semua usaha dan inisiatif dalam meningkatkan mutu kenderaan perdagangan / pengangkutan awam khasnya di Negeri Sabah ini tidak akan terhenti di sini sahaja malah akan terus diperkasakan pada masa hadapan. Akhir kata, segala usaha yang dilaksanakan dan kejayaan yang dikecapi adalah manifestasi kerjasama yang jitu diberikan oleh semua pihak. Semoga kualiti perkhidmatan dan pengangkutan awam negeri Sabah akan dapat dipertingkatkan dan setanding dengan kualiti perkhidmatan bertaraf dunia pada masa hadapan.

Ucapan terima kasih dan sekalung penghargaan diberikan kepada Y.B Hajah Nancy binti Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Y.Bhg. Datuk Seri Othman bin Haji Mahmood, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri, Y.B Dato' Haji Mohammad Yusof Bin Apdal, Pengerusi LPKP Sabah serta ahli-ahli lembaga LPKP Sabah. Terima kasih juga diucapkan kepada seluruh warga LPKP Sabah di atas usaha dan komitmen yang ditunjukkan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab dalam menjadikan LPKP sebuah organisasi yang berwibawa.

MOHD ISHAK BIN AMIR HUSSEIN
PENGARAH / SETIAUSAHA
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH

AHLI LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH TAHUN 2015

Y.B. Dato' Mohammad Yusof Bin Apdal
Pengerusi

Y.B. Datuk Rozman bin Datuk Hj. Isli
Timbalan Pengerusi

Tn. Mohd Ishak bin Amir Hussein
Setiausaha

Supt. Mohd Zaidi Bin Abdullah
Ahli Lembaga

Tn. Hj. Mohd. Shuhaili Bin Mohd Taufek
Ahli Lembaga

Ir. Chin Shu Ying
Ahli Lembaga

En. Kassim bin Sulaiman
Ahli Lembaga

En. Jamawi Jaafar
Ahli Lembaga

STRUKTUR ORGANISASI LPKP SABAH

Seksyen 5 Akta LPKP 1987 (Pindaan 1998) menetapkan bahawa LPKP Sabah hendaklah terdiri daripada sebelas (11) orang anggota yang dilantik oleh Menteri Jabatan Perdana Menteri iaitu :

i) Pengerusi;

ii) Timbalan Pengerusi;

iii) Seorang wakil Kerajaan Negeri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi pengangkutan;

iv) Seorang wakil Jabatan Pengangkutan Jalan;

v) Seorang wakil Kementerian Persekutuan dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi perkara yang berhubung dengan pelesenan kenderaan perdagangan yang hendaklah menjadi Setiausaha Lembaga; dan

vi) Tidak lebih daripada enam orang lain yang pada pendapat Menteri mempunyai pengalaman luas atau pengetahuan khas mengenai perkara yang berhubung dengan pengangkutan.

Senarai Ahli Lembaga LPKP Sabah bagi tahun 2015 adalah seperti di **Lampiran A**.

Keputusan berhubung pemberian lesen dan dasar-dasar dipertanggungjawabkan kepada Ahli Lembaga yang telah dilantik oleh Menteri. Operasi harian dan fungsi LPKP Sabah berkaitan pengurusan pentadbiran dan kewangan, pelesenan serta penguatkuasaan dilaksanakan oleh organisasi yang diketuai oleh seorang Pengarah selaku Ketua Jabatan dibantu oleh dua orang Penolong Pengarah dan seorang Pegawai Penguatkuasa. Carta organisasi LPKP Sabah adalah seperti di **Lampiran B**.

PIAGAM PELANGGAN LPKP SABAH

LPKP berjanji untuk memberi perkhidmatan yang mesra, cekap, berkualiti dan saksama kepada semua pelanggan. Semua permohonan yang lengkap dan memenuhi syarat akan diproses dalam tempoh masa seperti berikut :

PERKARA	TEMPOH
1. Permohonan Baru *New Application*	30 hari bekerja
2. Permohonan Membaharui *Renewel Of Licence*	3 hari bekerja
3. Ubah Syarat 3.1 Pertimbangan Lembaga 3.2 Pertimbangan Urusetia *Amendments of Licence Terms*	 30 hari bekerja 7 hari bekerja
4. Cetakan Lesen Asal *Printing of Licence*	1 hari bekerja

1. PRESTASI

1.1 BELANJA MENGURUS DAN KUTIPAN HASIL

Peruntukan perbelanjaan mengurus LPKP Sabah bagi tahun 2015 adalah **RM3,907,073.00** meningkat sebanyak 1**%** berbanding peruntukan pada tahun 2014 iaitu **RM3,873,685.00**. Kutipan hasil bagi tahun 2015 menurun sebanyak 9**%** bersamaan **RM1,663,250.00** berbanding kutipan hasil pada tahun 2014 iaitu **RM1,814,605.00**. Ringkasan perbandingan peruntukan belanja mengurus dan kutipan hasil seperti di **Jadual 1** dan **Carta 1**.

JADUAL 1

TAHUN/ PERKARA	2014	2015	PENINGKATAN(+)/ (+/ PENGURANGAN(-) (%)
Belanja Mengurus	3,873,685.00	3,907,073.00	+ 1
Kutipan Hasil	1,814,605.00	1,663,250.00	- 9

CARTA 1

PERBANDINGAN BELANJA MENGURUS DAN KUTIPAN HASIL LPKP SABAH BAGI TAHUN 2014 & 2015



1.2 PERJAWATAN

Jumlah perjawatan yang telah diluluskan bagi LPKP Sabah sehingga 31 Disember 2015 adalah sebanyak **73** perjawatan dengan **70** pengisian dan **3** kekosongan pelbagai jawatan. Kedudukan perjawatan bagi tahun 2015 adalah seperti di **Lampiran C**.

1.3 MESYUARAT LEMBAGA

LPKP Sabah telah menetapkan sebanyak 10 kali mesyuarat lembaga diadakan pada tahun 2015 dan sebanyak 9 mesyuarat telah diadakan. Butiran rekod mesyuarat adalah seperti di **Lampiran D.**

1.4 PERMOHONAN LESEN

LPKP Sabah telah menimbang dan meluluskan permohonan lesen baru, membaharui lesen dan ubahsyarat lesen seperti yang diperuntukkan di bawah Akta LPKP 1987 (Pindaan 1998) seperti berikut:

1.4.1 Lesen Baru

Sebanyak **2,586** permohonan bagi lesen baru dikemukakan pada tahun 2015 berbanding **1,531** pada tahun 2014, iaitu peningkatan sebanyak **41%**. Daripada bilangan tersebut, sebanyak **1,331** unit lesen diluluskan pada tahun 2015 berbanding sebanyak **2,264** unit lesen diluluskan pada 2014 iaitu pengurangan sebanyak **41.2 %** seperti di **Carta 2**.

Catatan: Jumlah kelulusan permohonan lesen baru pada tahun 2015 juga adalah daripada permohonan yang diterima pada penghujung tahun 2014

CARTA 2

BILANGAN PERMOHONAN LESEN BARU TAHUN 2014 & 2015



1.4.2 Membaharui Lesen

Pada tahun 2015, bilangan permohonan membaharui lesen diterima adalah sebanyak **2,527** iaitu pengurangan sebanyak **54.7%** berbanding dengan **5,579** unit lesen dalam tahun 2014. Daripada jumlah tersebut, **2,456** unit lesen telah diluluskan pada tahun 2015 iaitu peningkatan sebanyak 2,687 unit lesen atau **52.2%** berbanding tahun 2014 seperti di **Carta 3**.

CARTA 3

BILANGAN PERMOHONAN MEMBAHARUI LESEN BAGI TAHUN 2014 & 2015



1.4.3 Ubah Syarat Lesen

Permohonan ubahsyarat lesen pada tahun 2015 adalah berjumlah **3,371** berbanding pada tahun 2014 sebanyak **6,642**, iaitu penurunan sebanyak **49.2%.** Daripada jumlah tersebut, sebanyak **2,986** permohonan ubahsyarat lesen telah diluluskan pada tahun 2015 berbanding tahun 2014 sebanyak **5,302** permohonan iaitu peningkatan sebanyak **43.7%** seperti di **Carta 4**.

CARTA 4

BILANGAN PERMOHONAN UBAHSYARAT LESEN TAHUN 2014 & 2015



Ringkasan maklumat berkenaan permohonan lesen sepanjang tahun 2015 dan perbandingan dengan tahun 2014 adalah seperti di **Jadual 2.**

JADUAL 2

JENIS PERMOHONAN	2014		2015	
	BILANGAN		BILANGAN	
	TERIMA	*LULUS*	*TERIMA*	*LULUS*
Baru	1,531	2,264	2,586	1,331
Membaharui	5,579	5,143	2,527	2,456
Ubah Syarat	6,242	5,302	3,371	2,986
JUMLAH	**13,352**	**12,713**	**8,484**	**6,773**

1.5 RAYUAN

Di bawah Seksyen 27, Akta LPKP 1987 (Akta 334) telah memperuntukkan bahawa mana-mana pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat oleh Lembaga terhadap permohonan lesen baru, membaharui lesen dan pembatalan lesen, boleh membuat rayuan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Bagi tahun 2015 tiada rayuan permohonan yang diterima.

1.6 PENDAFTARAN LESEN BARU

Sepanjang tahun 2015, LPKP Sabah telah mendaftarkan sebanyak **1,651** unit lesen baru. Jumlah unit lesen yang didaftarkan menurun sebanyak **617** unit atau (27.2 %) berbanding tahun 2014 iaitu sebanyak **2,268**. Lesen baru yang didaftarkan mengikut kelas lesen bagi tahun 2014 dan 2015 adalah di **Jadual 3**. Setiap unit lesen yang dikeluarkan akan dikira setelah kenderaan didaftar dan bayaran dijelaskan.

JADUAL 3
PENDAFTARAN LESEN BARU TAHUN 2014 DAN 2015

BIL.	KELAS LESEN	TAHUN	
		2014	2015
1.	Lori Pembawa 'A'	1,405	1,033
2.	Lori Pembawa 'C'	482	352
3.	Bas Berhenti-henti	90	47
4.	Bas Ekspres	21	11
5.	Bas Pekerja	1	1
6.	Bas Sekolah	39	30
7.	Bas Pengantara	-	-
8.	Bas Carter	17	12
9.	Kereta Sewa	14	19
10.	Kereta Sewa dan Pandu	34	44
11.	Teksi	102	81
12.	Teksi Mewah	21	2
13.	Teksi Lapangan Terbang	-	-
14.	Bas Mini	42	19
JUMLAH		**2,268**	**1,651**

1.7 KEDUDUKAN LESEN TERKUMPUL

Sehingga 31 Disember 2015, lesen terkumpul yang telah dikeluarkan oleh LPKP Sabah adalah sebanyak **44,108** lesen. Perincian mengikut pecahan daerah dan kelas lesen adalah seperti di **Jadual 4**.

JADUAL 4
STATISTIK LESEN TERKUMPUL SEHINGGA 31HB DISEMBER 2015

BIL	DAERAH/ PANGKALAN	KELAS LESEN															JUMLAH
		BAS							LORI		TEKSI						
		BB	BC	BE	BM	BJ	BF	BS	LA	LC	TS	TP	TQ	TX	TT	TL	
1	BEAUFORT	6		6	22			2	269	160	95						*562*
2	BELURAN			13				6	36	11	8						*74*
3	BRUNEI			1					110								*111*
4	KENINGAU	5		28	256	1		42	1160	331	268		25	13			*2129*
5	KINABATANGAN				11			10	130	46	11				1		*209*
6	KOTA BELUD			1	3	4		2	76	95	68			12			*261*
7	KOTA KINABALU	626	68	98	199	22	22	403	6309	2976	24	1551		789	153	148	*13388*
8	KOTA MARUDU	1	2		21			9	230	144	74	1					*482*
9	KUALA PENYU		2	6	7			2	43	26	23						*109*
10	KUDAT			2	26			14	292	133	113						*580*
11	KUNAK				25			12	251	44	43						*375*
12	LAHAD DATU	2		9	208	17		104	1674	778	149		66	90			*3097*
13	NABAWAN				3					19	1						*23*
14	PAPAR	73		11	55	2		6	360	156	11			26			*700*
15	PENAMPANG	64	3	10	26	1		46	957	487		20		93	15		*1722*
16	PITAS				1				6	8	13						*28*
17	RANAU	3			48			1	76	83	141						*352*
18	SANDAKAN	387		69	511	25		265	4583	1974	43			440	46	2	*8344*
19	SARAWAK			13					528								*541*
20	SEMPORNA			57	13			10	98	82							*260*
21	SIPITANG			3		2			300	39							*344*

22	TAMBUNAN			1	16	2			24	17	61			1			*122*
23	TAWAU	451	5	85	47	7	3	421	3559	1562	94			831	45		*7110*
24	TELUPID				13			2	5	3							*23*
25	TENOM	2	3		51			2	196	79	63			3			*399*
26	TONGOD	2	3		51				5	1							*62*
27	TUARAN	103	24		130	2		140	487	267	17			29	3	7	*1209*
28	W.P.LABUAN	3	2		148	4		66	981	289				101			*1594*
JUMLAH MENGIKUT KELAS LESEN		1728	112	413	1891	89	25	1565	22745	9810	1320	1572	91	2430	263	156	*44210*
JUMLAH MENIKUT KATEGORI LESEN		5823							32555		5832						*44108*
JUMLAH KESELURUHAN		*44108*															

1. TT :	TEKSI LAPANGAN TERBANG	6. TX :	TEKSI	11. BJ :	BAS PEKERJA
2. TQ :	TEKSI LUAR BANDAR	7. BC :	BAS CARTER	12. BM :	BAS MINI
3. TL :	TEKSI LIMOUSINE	8. BE :	BAS EKSPRES	13. BS :	BAS SEKOLAH
4. TP :	KERETA SEWA PANDU	9. BB :	BAS BERHENTI-HENTI	14. LA :	PEMBAWA A
5. TS :	KERETA SEWA	10. BF :	BAS PENGANTARA	15. LC :	PEMBAWA C

1.8 ADUAN DAN PENGUATKUASAAN

Aktiviti penguatkuasaan bagi memantau pematuhan dan pelaksanaan undang-undang serta peraturan Akta LPKP 1987 serta syarat-syarat lesen yang telah ditetapkan dikalangan pemegang lesen sentiasa dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Pelbagai operasi dan tindakan penguatkuasaan dengan kerjasama dari pelbagai pihak dirancang pada tahun 2015 secara berjadual. Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti di **Lampiran E**. Sepanjang tahun 2015, rumusan aktiviti penguatkuasaan adalah seperti berikut :

- Sebanyak 12 operasi bersepadu antara agensi penguatkuasa telah dijalankan bersama agensi-agensi lain seperti JPJ, PDRM, AADK, JKJR dan DBKK. Operasi bersepadu di antara Ibu Pejabat LPKP Sabah bersama LPKP Cawangan Tawau dan Sandakan telah dilaksanakan sebanyak 9 operasi.

- Pemantauan ke atas pemandu-pemandu kenderaan perdagangan diadakan sebanyak 4 kali seminggu dan lawatan ke lokasi-lokasi yang bermasalah secara rutin dijalankan begitu juga dengan lokasi berdasarkan aduan ; dan

- Siasatan mengenai kenderaan perdagangan dan juga kesalahan pemilik lesen diadakan berdasarkan aduan orang ramai.

- LPKP Sabah telah menerima sebanyak 64 aduan awam yang melibatkan kenderaan perdagangan seperti mengenakan tambang berlebihan, menurunkan penumpang di tempat yang tidak dibenarkan dan pemandu yang tidak mematuhi peraturan jalan raya. Aduan - aduan diterima melalui emel, telefon, surat dan secara terus di pejabat LPKP Sabah. Pengusaha dan pemandu yang terlibat telah dipanggil untuk sesi temusiasat. Amaran secara bertulis dikeluarkan supaya mereka tidak mengulangi kesalahan yang sama. Pecahan aduan mengikut kelas lesen adalah seperti di **Jadual 4** manakala tindakan penguatkuasaan yang diambil seperti di **Jadual 5**.

JADUAL 4
BILANGAN ADUAN YANG DITERIMA MENGIKUT KELAS LESEN 2015

Bil.	KELAS LESEN	BILANGAN ADUAN
1.	Lori Pembawa 'A'	22
2.	Lori Pembawa 'C'	4
3.	Bas Berhenti-Henti	13
4.	Bas Ekspres	4
5.	Bas Mini	4
6.	Bas Sekolah	5
7.	Bas Catar	3
8.	Bas Pengantara	-
9.	Kereta Sewa	-
10.	Kereta Sewa dan Pandu	-
11.	Teksi	7
12.	Teksi Mewah	1
13.	Teksi Lapangan Terbang	1
JUMLAH		**64**

- Selain daripada aduan-aduan yang diterima, tindakan penguatkuasaan juga dijalankan. Sepanjang tahun 2015, jumlah tangkapan adalah sebanyak 872 untuk semua jenis kelas lesen. 553 daripadanya dikenakan tindakan kompaun, 38 dikeluarkan amaran dan 244 masih dalam siasatan. Perincian bilangan tangkapan mengikut kelas lesen dan jenis tindakan yang dikenakan dijelaskan dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
BILANGAN TANGKAPAN DAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN MENGIKUT KELAS LESEN TAHUN 2015

KELAS LESEN	BIL. TANGKAPAN	JENIS TINDAKAN TERHADAP TANGKAPAN					
		KOMPAUN	AMARAN	GANTUNG	BATAL	TUTUP KES/ BEBAS	DALAM SIASATAN
Bas Berhenti-Henti	53	45	-	-	-	-	8
Bas Catar	2	1	1	-	-	-	1
Bas Ekspres	11	10	1	-	-	-	-
Bas Mini	12	11	1	-	-	-	-
Bas Pengantara	1	1	-	-	-	-	-
Lori Pembawa "A"	737	481	33	-	-	-	223
Lori Pembawa "C"	36	22	2	-	-	-	12
Teksi Mewah/Limosine	-	-	-	-	-	-	-
Bas Sekolah	-	-	-	-	-	-	
Kereta Sewa	5	5	-	-	-	-	-
Teksi Lapangan Terbang	3	3	-	-	-	-	-
Teksi	11	11	-	-	-	-	-
JUMLAH	**872**	**590**	**38**	**-**	**-**	**-**	**244**

1.9 DASAR-DASAR DAN PERATURAN-PERATURAN BARU TAHUN 2015

Sepanjang tahun 2015, LPKP Sabah telah memperkenalkan pelbagai dasar, kaedah dan peraturan baru seperti berikut:

1. Pekeliling Bil.1/2015 – Penetapan Semula Had Usia 30 Tahun Bagi Bas Sekolah di Negeri Sabah dan W.P. Labuan.

2. Pekeliling Bil.2/2015 – Penguatkuasaan Kadar Tambang Teksi Berdasarkan Kiraan Meter Bagi Daerah/Bandaraya Kota Kinabalu.

3. Pekeliling Bil.3/2015 – Penetapan Spesifikasi Kod Warna/Tanda Badan dan Laluan Bas Berhenti-henti ke Bandar Tawau.

4. Pekeliling BIl. 4/2015 – Penetapan Spesifikasi Kod Warna/Tanda Badan dan Laluan Bas Berhenti-henti ke Bandar Sandakan.

5. Pekeliling Bil. 5/2015 – Had Umur Kenderaan Pengangkutan Awam di Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

6. Pekeliling Bil. 6/2015 – Dasar Pelesenan Kenderaan Perdagangan Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

7. Pekeliling Bil. 7/2015 – Surat Kuasa Wakil Syarikat.

8. Pekeliling Bil. 8/2015 – Syarat-syarat Am dan Khas Lesen.

9. Pekeliling Bil. 9/2015 – Pemerikasaan Visual Bagi Kenderaan yang Telah Mencapai Had Umur atau Dalam Tempoh Dua (2) Tahun Sehingga Mencapai Had Umur.

10. Pekeliling BIl. 10/2015 – Tarikh Kuatkuasa Syarat-syarat Am dan Khas Lesen.

11. Pekeliling Bil. 11/2015 – Had Bilangan Penumpang dan Muatan Tempat Duduk Bagi Kenderaan Perkhidmatan Awam.

12. Pekeliling Bil. 12/2015 – Tempoh Kelulusan Lesen Kenderaan Perdagangan.

13. Pekeliling Bil. 13/2015 – Keputusan Untuk Makluman Awam Tahun 2015 Sehingga Mesyuarat Lembaga Bilangan 8/2015.

1.10 PROGRAM PROAKTIF LPKP SABAH TAHUN 2015

Aktiviti	Tarikh	Tempat
Kaunter Bergerak dan Dialog Bersama Pengusaha Pengangkutan Awam Keningau	27 Feb 2015	Pejabat Daerah Keningau
Majlis dialog bersama persatuan teksi PENSARUM dengan LPKP Tawau.	08 Mac 2015	Dewan Perpustakaan Tawau
Majlis dialog bersama pengusaha dan persatuan Pengangkutan Perkhidmatan Awam Lahad Datu dan Kaunter Bergerak.	30 Mac 2015	Hotel Royal Plam, Lahad Datu
OPS Bersepadu LPKP Sabah Cawangan Tawau .	29 – 31 Mac 2015	Daerah Tawau
Kaunter Bergerak dan Dialog Bersama Pengusaha Pengangkutan Awam Lahad Datu	30 - 31 Mac 2015	Royals Palm Hotel Lahad Datu
Majlis Dialog Bersama Persatuan Perkhidmatan Awam Kota Marudu	14 April 2015	Bilik Mesyuarat LPKP Sabah
Operasi pemeriksaan depo bersama Majlis Perbandaran Sandakan, Pengarah dan Pegawai LPKP Sabah Kota KInabalu	14 – 15 April 2015	Daerah Sandakan
Mesyuarat Penyelarasan Dasar LPKP Sabah dan Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Sabah	8 Mei 2015	Bilik Mesyuarat LPKP Sabah
Majlis Dialog Bersama Pengusaha Bas Sekolah Pantai Barat	22 Mei 2015	Bilik Mesyuarat LPKP Sabah

Aktiviti	Tarikh	Tempat
Perbincangan dengan Ketua Cawangan PUSPAKOM Sandakan berkenaan pelakasanaan Zon Baharu Bas Berhenti-henti Bandar Sandakan	11 Mei 2015	Pejabat PUSPAKOM Sandakan
Taklimat pencerahan dan penerangan system ZONING berdasarkan Pekeliling LPKP Bil.3/2015, bersama pengusaha dan pengerusi Persatuan Bas Tawau. OPS BERSEPADU LPKP Tawau bersama PDRM	22 Mei 2015	Dewan Masyarakat Tawau Daerah Lahad Datu
Majlis Dialog Bersama Pengusaha Teksi Rumpun Melayu	5 Jun 2015	Bilik Mesyuarat LPKP Sabah
Majlis Dialog Bersama Persatuan Pengusaha Lori Kontena Kota Kinabalu dan Persatuan Pengusaha Lori Pantai Barat Sabah	3 Jun 2015	Bilik Mesyuarat LPKP Sabah
OPS Bersepadu LPKP Sabah Cawangan Tawau	28 – 30 Jun 2015	Daerah Tawau
Kaunter Bergerak dan Dialog Bersama Persatuan Pengangkutan Awam Labuan	11-12 Ogos 2015	Perbadanan Labuan
Ceramah nilai-nilai murni di kalangan kakitangan LPKP Tawau	03 Julai 2015	Bilik Mesyuarat LPKP Tawau

Aktiviti	Tarikh	Tempat
Taklimat penetapan integriti dan tatatertib bersama kakitangan LPKP Tawau. OPS Bersepadu LPKP Sabah Cawangan Tawau bersama PDRM, SPRM Tawau dan Unit Integriti JPM	6 Ogos 2015 5 – 6 Ogos 2015	Bilik Mesyuarat LPKP Tawau Daerah Tawau
Kaunter Bergerak sempena program Kesedaran Keselamatan Jalan Raya peringkat daerah Tongod	15 Oktober 2015	Pejabat Daerah Tongod
Retreat Pelesenan	12-13 Dis 2015	Wisma Sabah

1.11 PROSPEK

LPKP Sabah akan terus komited dalam memastikan peranan dan fungsinya kekal relevan dalam industri pengangkutan darat yang mengalami perubahan yang pantas. Sebagai sebuah agensi yang menentukan hala tuju dan corak industri pengangkutan darat, adalah menjadi tanggungjawab LPKP Sabah untuk memastikan industri ini bukan sahaja dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi Negeri Sabah, malah turut memenuhi kehendak penduduk setempat yang sentiasa meningkat dalam mengidamkan sebuah sistem perkhidmatan pengangkutan awam darat yang efisien, berkualiti, selamat, dan berkos efektif. Sebagai sebuah negeri pelancongan yang kaya dengan sumber semulajadi juga, sistem pengangkutan awam darat yang cekap dan terangkum turut menjadi perangsang kepada kemasukan pelancong-pelancong dari dalam dan luar negara.

Penambahbaikan yang berterusan akan terus dilaksanakan sejajar dengan prinsip “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” dalam memperkukuhkan lagi keyakinan rakyat dan stakeholders yang terlibat terhadap peranan dan fungsi yang dijalankan oleh LPKP Sabah. Penambahbaikan dalam perkhidmatan pengangkutan awam yang dimaksudkan dijalankan melalui pengemaskinian sistem berteraskan ICT, kajian-kajian seperti kajian semula dasar-dasar sedia ada, rangkaian laluan, keperluan pengangkutan awam, dan prosedur operasi, serta kerjasama erat dalam program atau aktiviti yang melibatkan pihak berkepentingan selaras dengan prinsip *National Blue Ocean Strategy* (NBOS).

Pendekatan NBOS khususnya dalam aktiviti penguatkuasaan akan terus dipertingkat dan dipergiatkan melalui operasi bersepadu bersama agensi-agensi penguatkuasaan dalam memastikan peraturan seperti yang termaktub di dalam Akta LPKP 1987 (Akta 334) dipatuhi oleh pengusaha pengangkutan awam dan kenderaan barangan.

Kerjasama erat dan menyuluruh daripada pelbagai agensi ini telah terbukti dalam peningkatan tangkapan kes salah laku dan secara tidak langsung dapat mengurangkan kos operasi.

2. PENUTUP

Dalam usaha merealisasikan matlamat yang telah digariskan, LPKP Sabah sentiasa mengambil inisiatif untuk meningkatkan sistem penyampaian serta memastikan pengangkutan awam dan barangan sentiasa cekap dan berkesan dalam memenuhi aspirasi kerajaan dan kehendak rakyat. Selaras dengan misi untuk memastikan pengangkutan awam dan kenderaan barangan selamat, efisien dan berkos efektif, LPKP Sabah akan terus menggubal dasar-dasar yang dapat membantu mewujudkan industri kenderaan perdagangan yang lebih maju dan berdaya saing. Aktiviti penguatkuasaan akan sentiasa dipertingkatkan bagi memastikan pematuhan terhadap akta dan undang-undang yang berkuatkuasa.

LAMPIRAN A

SENARAI AHLI LEMBAGA LPKP SABAH BAGI TAHUN 2015

BIL.	NAMA	JAWATAN	TARIKH LANTIKAN	TARIKH TAMAT
1.	Y.B. Dato' Mohammad Yusof Bin Apdal	Pengerusi	21.10.2013	20.10.2015
2.	Y.B. Datuk Rozman bin Datuk Haji Isli	Timbalan Pengerusi	01.01.2015	31.12.2017
3.	En. Mohd Ishak bin Amir Hussein	Setiausaha Lembaga	01.04.2015	29.02.2016
4.	Tuan Supt. Mohd Zaidi bin Abdullah	Ahli Lembaga (PDRM)	01.09.2013	01.09.2015
5.	Tuan Haji Mohd Shuhaili bin Mohd Taufek	Ahli Lembaga (JPJ)	01.09.2013	01.09.2015
6.	En. Ir. Chin Shu Ying	Ahli Lembaga	01.09.2014	31.08.2016
7.	En. Kassim bin Sulaiman	Ahli Lembaga	01.09.2013	01.09.2015
8.	En. Jamawi Bin Jaafar	Ahli Lembaga	01.01.2015	31.12.2017
9.	En. Awang @ Kinit bin Ibrahim	Ahli Lembaga	01.01.2015	31.12.2017

LAMPIRAN B

CARTA ORGANISASI LPKP SABAH TAHUN 2015



LAMPIRAN C

PERJAWATAN LPKP SABAH TAHUN 2015

Bil.	Jawatan	Gred Jawatan	Bil. Jawatan	Diisi	Kosong
LPKP SABAH, IBU PEJABAT KOTA KINABALU					
1.	Pengarah	M48	1	1	0
2.	Penolong Pengarah	M41/M44	2	2	0
3.	Pegawai Penguatkuasa	N41/N44	1	1	0
4.	Penolong Pegawai Tadbir	N32	1	1	0
5.	Penolong Pegawai Penguatkuasa	N32	1	1	0
6.	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	F32	1	1	0
7.	Penolong Akauntan	W32	1	1	0
8.	Penolong Pegawai Tadbir	N27/N32	1	1	0
9.	Penolong Pegawai Penguatkuasa	N27/N32	2	2	0
10.	Pembantu Tadbir (P/O)	N22	2	2	0
11.	Pembantu Tadbir (Kew)	W22	1	1	0
12.	Pembantu Tadbir (P/O) KUP	N17/N22	3	3	0
13.	Pembantu Tadbir (P/O)	N17/N22	19	19	0
14.	Setiausaha Pejabat	N17/N22	1	1	0
15.	Pembantu Penguatkuasa	N17/N22	2	1	1
16.	Pembantu Tadbir (Kew)	W17/W22	3	3	0
17.	Juruteknik Komputer	FT17/FT22	1	1	0
18.	Pembantu Am Pejabat	N11	1	1	0
19.	Pembantu Operasi	N11/N14	1	1	0
20.	Pemandu Kenderaan	H11/H14	2	2	0
Cawangan Tawau					
21.	Penolong Pegawai Tadbir	N32	1	1	0
22.	Penolong Pegawai Penguatkuasa	N27/N32	1	1	0
23.	Pembantu Tadbir (P/O)	N22	1	1	0
24.	Pembantu Penguatkuasa	N22	1	0	1
25.	Pembantu Tadbir (P/O)	N17/N22	4	4	0
26.	Pembantu Tadbir (P/O)	N17 (KUP)	1	1	0
27.	Pembantu Penguatkuasa	N17/N22	2	2	0
28.	Pembantu Operasi	N11/N14	1	1	0
29.	Pemandu Kenderaan KUP	H11	1	1	0
Cawangan Sandakan					
30.	Penolong Pegawai Tadbir	N32	1	1	0
31.	Penolong Pegawai Penguatkuasa	N27/N32	1	0	1
32.	Pembantu Tadbir (P/O)	N22	1	1	0
33.	Pembantu Penguatkuasa	N22	1	1	0

34.	Pembantu Tadbir (P/O)	N17/N22	4	4	0
35.	Pembantu Tadbir (P/O)	N17 (KUP)	2	2	0
36.	Pembantu Penguatkuasa	N17/N22	2	2	0
37.	Pembantu Operasi	N11/N14	1	1	0
38.	Pemandu Kenderaan KUP	H11	1	1	0
JUMLAH KESELURUHAN			**73**	**70**	**3**

LAMPIRAN D

MESYUARAT LEMBAGA LPKP SABAH TAHUN 2015

BIL	MESYUARAT	TEMPAT	TARIKH
1	Mesyuarat Lembaga Bil.01/201 5	Bilik Mesyuarat LPKP Sabah	2/02/2015
2	Mesyuarat Lembaga Bil.02/2015	Bilik Mesyuarat LPKP Sabah	11/03/2015
3	Mesyuarat Lembaga Bil.03/2015	Bilik Mesyuarat LPKP Sabah	29/04/2015
4	Mesyuarat Lembaga Bil.04/2015	Bilik Mesyuarat LPKP Sabah	27/05/2015
5	Mesyuarat Lembaga Bil.05/2015	Bilik Mesyuarat LPKP Sabah	16/06/2015
6	Mesyuarat Lembaga Bil.06/2015	Perbadanan Labuan	12/08/2015
7	Mesyuarat Lembaga Bil.07/2015	Bilik Mesyuarat LPKP Sabah	18/09/2015
8	Mesyuarat Lembaga Bil.08/2015	Bilik Mesyuarat LPKP Sabah	19/10/2015
9	Mesyuarat Lembaga Bil.09/2014	Bilik Mesyuarat LPKP Sabah	21/12/2015

LAMPIRAN E

AKTIVITI PENGUATKUASAAN LPKP SABAH TAHUN 2015

BIL	BULAN	AKTIVITI
1	Januari	● Dialog dengan persatuan kereta sewa Keningau – 21/1/2015 ● Dialog antara kerajaan dengan komuniti perniagaan sabah- 22-23/1/2015
2	Februari	● Dialog bersama persatuan pengusaha bas express (JPJ) – 10/2/2015 ● Dialog bersama persatuan pengusaha Tambunan – 25/2/2015 ● Dialog bersama pengusaha kenderaan pengangkutan keningau – 27/2/2015 ● Ops Kota Kinabalu (25 – 27 Feb 2015) ** Keningau
3	Mac	● Ops Tawau (29 – 31 Mac 2015) ● Dialog bersama pengusaha kereta sewa / teksi Lahad Datu – 30/3/2015
4	April	● Dialog bersama pengusaha bas henti-henti pantai barat – 2/4/2015 ● Dialog bersama pengusaha kereta sewa kota marudu / pitas – 14/4/2015 ● Ops Sandakan (14 – 16 April 2015) ● Ops Kota Kinabalu - (28 April 2015) ** AADK, JPJ, PRDM ● Ops Kota Kinabalu - (30 April 2015) ** AADK, JPJ, PRDM
5	Mei	● Ops Sandakan (19 – 21 Mei 2015) ● Ops Kota Kinabalu (21 Mei 2015) ** Depoh ● Ops Lahad Datu (22 Mei 2015) ** Ops Bersama PDRM ● Dialog bersama pengusaha bas sekolah pantai barat – 22/5/2015
6	Jun	● Dialog bersama pengusaha teksi bandaraya / pantai barat - 05/6/2015 ● Ops Sandakan (21 Jun 2015) ● Ops Sandakan (22 Jun 2015) ** Ops Bersama MPS ● Ops Tawau (28 – 30 Jun 2015)
7	Julai	● Dialog bersama persatuan pengusaha lori kontena sabah – 3/7/2015 ● Dialog bersama pengusaha lori pantai barat sabah – 3/7/2015 ● Dialog persatuan bas mini kinarut – 10/7/2015
8	Ogos	● Ops Tawau (5 – 6 Ogos 2015) ** JPJ TWU, SPRM TWU, Unit Integriti JPM ● Dialog bersama pengusaha bas mini W.P. Labuan – 11/8/2015
9	September	● Ops Pengarah Siri 1 - Kota Kinabalu (03 September 2015) ● Ops Lahad Datu (8 September 2015) ● Ops Lahad Datu (9 September 2015) ** JPJ Lahad Datu) ● Ops Sandakan (10 September 2015) ** JPJ Sandakan
10	Oktober	● Ops Pengarah Siri 3 - Tawau (03 Oktober 2015) ● Dialog bersama gabungan persatuan pengangkutan lori sabah - 15/10/2015
11	November	● Audit Syarikat **TAWAU** 1. ROZAIDAH ENTERPRISE 2. SYARIKAT UNITED ENTERPRISE 3. YAHYA BROTHERS & CO SDN BHD

BIL	BULAN	AKTIVITI
12	Disember	● Audit Syarikat **SANDAKAN** 1. SYARIKAT TAUFIK ENTERPRISE 2. PERKHIDMATAN JASA KELUARGA BERSATU 3. SYARIKAT PERDAGANGAN LEAN SOON HUNG SDN BHD 4.CHANG TRANSPORT ENTERPRISE 5. SYARIKAT PENGANGKUTAN NURSYAZLIANA

LAMPIRAN F

DIREKTORI KORPORAT

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sabah

Ibu Pejabat, Kota Kinabalu

Pengarah
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah
Jabatan Perdana Menteri
Tingkat 4, Blok C dan D,
Bangunan KWSP
49,Jalan Karamunsing
88000 Kota Kinabalu,Sabah
http://lpkpsabah.jpm.gov.my/lpkpsbh

Tel: 088- 238244/245
Faks: 088- 238144

LPKP Cawangan Sandakan

Ketua Cawangan
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah
Cawangan Sandakan
Blok A4,Lot 10,Bandar Labuk Jaya
Batu 7, Jalan Labuk
Peti Surat 3630
90740 Sandakan.

Tel: 089- 238244
Faks: 089- 238245

LPKP Cawangan Tawau

Ketua Cawangan
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah
Cawangan Tawau
TB 4506,BlokD
Pusat Komersial Ba Zhong
Peti Surat No.62124
91031 Tawau

Tel : 089-759987
Faks : 089-759976

LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK

PERUTUSAN PENGERUSI

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.

Terlebih dahulu saya ingin menzahirkan rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan rahmatNya jua maka Laporan Tahunan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) 2015 dapat diterbitkan dengan jayanya. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua warga LPKP Sarawak dan LPKP Sabah di atas usaha dan komitmen bersama dalam menerbitkan laporan ini.

Tahun 2015 menyaksikan negara masih terus menongkah arus dalam berhadapan dengan suasana ekonomi yang mencabar. Pertumbuhan ekonomi dunia yang perlahan, serta kejatuhan harga komoditi khususnya harga minyak di pasaran dunia turut memberi kesan terhadap pertumbuhan ekonomi negara serta kerancakan pelbagai industri perdagangan tempatan termasuk industri perkhidmatan kenderaan perdagangan. Senario ini membuka suatu lembaran baru dari aspek penilaian semula strategi dan perancangan LPKP Sarawak bagi memastikan pendekatan yang diambil seiring dengan keperluan semasa serta dapat memangkinkan daya tahan industri kenderaan perdagangan negeri Sarawak.

Alhamdulillah, meskipun berhadapan dengan suasana yang mencabar, LPKP Sarawak berjaya mengekalkan momentum positif khususnya dalam memastikan industri kenderaan perdagangan negeri Sarawak terus berkembang pesat serta menyokong kerancakan perkembangan ekonomi Sarawak. Kejayaan ini jelas diterjemahkan berdasarkan jumlah keseluruhan permohonan lesen bagi tahun 2015 yang terus menunjukkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya. Saya yakin dan percaya bahawa impak yang positif ini merupakan manifestasi keberhasilan dasar-dasar dan pelaksanaan oleh LPKP Sarawak dalam mengawal selia kenderaan-kenderaan perdagangan berdasarkan peruntukan di bawah Akta LPKP 1987 (Akta 334). Indikator ini jua merupakan terjemahan terhadap komitmen LPKP Sarawak yang konsisten, peka dan responsif dalam mendepani perubahan semasa.
Selari dengan perkembangan ekonomi serantau, LPKP Sarawak turut terus komited dalam mengukuhkan kerjasama lintas sempadan antara negara yang juga merupakan salah satu komponen penting dalam usaha meningkatkan momentum perdagangan. Justeru itu penglibatan aktif LPKP Sarawak menerusi platform seperti BIMP EAGA serta SOSEK MALINDO di bawah rangka kerja pelaksanaan laluan bas serta lori terus menampakkan impak yang positif. Lebih banyak peluang terbuka kepada pengusaha tempatan dalam meningkatkan daya saing perdagangan. Jaringan kerjasama antara negara ini jua berjaya mewujudkan persekitaran dan daya saing perdagangan yang kondusif seterusnya menyokong pertumbuhan serantau dan sosio-ekonomi Sarawak khasnya.

Salah satu komponen penting kenderaan perdagangan yang turut sentiasa diberi perhatian tinggi oleh LPKP Sarawak adalah kelestarian pengangkutan awam dengan mengambil kira kualiti perkhidmatan dan impak terhadap kesejahteraan pengguna.

Justeru itu LPKP Sarawak telah mengintegrasikan empat elemen penting dalam menggariskan dasar-dasar yang berkaitan dengan pengangkutan awam. Empat elemen tersebut adalah Keselesaan, Keselamatan, Keceriaan dan Ketepatan (4K). Jawatankuasa-jawatankuasa khas tertentu turut telah ditubuh bagi mengkaji dengan lebih fokus serta menambah nilai beberapa aspek dan spesifikasi penting dalam pengangkutan awam. Saya yakin dengan pelbagai usaha tambah nilai dan transformasi pengangkutan awam yang dilakukan, komponen ini akan terus dapat menjana manfaat dan impak positif kepada sosio ekonomi negeri Sarawak.

Adalah menjadi harapan saya agar kerjasama erat daripada semua pihak samada daripada sektor awam dan swasta dapat diteruskan serta dipertingkatkan untuk memastikan agenda memperkasa industri kenderaan perdagangan yang berdaya saing tinggi dan maju sentiasa diberi keutamaan.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada seluruh warga LPKP Sarawak serta agensi-agensi kerajaan persekutuan dan negeri, pihak berkuasa tempatan serta badan berkanun yang terlibat dalam menjayakan segala inisiatif dan program yang dilaksanakan oleh LPKP Sarawak sepanjang tahun 2015. Setinggi-tinggi penghargaan jua saya tujukan kepada YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Hajah Nancy binti Shukri dan semua Ahli Lembaga LPKP Sarawak. Semoga usaha kita ini terus mencapai keberhasilan yang terbaik dan kejayaan sebagaimana diharapkan..

Y.B. TUAN HAJI HASBI BIN HABIBOLLAH
PENGERUSI
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK

PERUTUSAN PENGARAH

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.

Alhamdulillah, Bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan keizinanNya Laporan Tahunan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) bagi tahun 2015 berjaya diterbitkan dengan jayanya. Setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menerbitkan laporan tahunan ini yang juga merupakan manifestasi keberhasilan dan output oleh LPKP sepanjang tahun 2015.

Mengimbau pencapaian tahun 2015, dalam menghadapi suasana ekonomi yang suram dan mencabar susulan pertumbuhan ekonomi dunia yang perlahan serta kejatuhan harga komoditi global yang drastik, LPKP Sarawak terus melangkah ke hadapan dalam menjanakan keupayaan bagi mencapai aspirasi negara dalam konteks perkhidmatan pelesenan kenderaan perdagangan serta menyelaras keteraturan aktiviti kenderaan perdagangan berdasarkan peruntukan Akta LPKP 1987 (Akta 334) serta dasar-dasar sedia ada. Natijahnya pada tahun 2015 LPKP Sarawak berjaya mengekalkan momentum peningkatan jumlah keseluruhan permohonan lesen kenderaan perdagangan yang turut menjadi manifestasi LPKP Sarawak dalam memastikan industri kenderaan perdagangan di negeri ini terus berkembang serta berdaya tahan dan menyokong kerancakan ekonomi semasa.

Dari aspek penguatkuasaan Akta LPKP 1987 (Akta 334), LPKP Sarawak terus memberi penekanan ke atas pendekatan penguatkuasaan yang konstruktif bagi memastikan peraturan dan dasar-dasar yang telah ditetapkan dipatuhi sepenuhnya oleh pelesen-pelesen. Antara pendekatan yang telah diambil termasuklah meningkatkan jumlah operasi penguatkuasaan oleh Penguatkuasa LPKP Sarawak, mengukuhkan jalinan kolaborasi dengan agensi-agensi penguatkuasa yang lain, penekanan terhadap pendekatan mendidik dan mencegah serta tindakan pantas dalam menangani aduan-aduan yang diterima. Keberhasilan daripada usaha penguatkuasaan yang telah dijalankan pada tahun lepas telah menunjukkan indikator yang positif. Ini termasuklah dari aspek peratusan aduan sepanjang tahun 2015 yang mencatatkan pengurangan sebanyak sebanyak 1.2% dan jumlah kompaun yang turut berkurangan sebanyak 34.2% berbanding tahun sebelumnya.

Sejajar dengan aspirasi ‘Merakyatkan Perkhidmatan Awam’, salah satu inisiatif yang turut diberi perhatian oleh LPKP Sarawak dalam menambah nilai mutu perkhidmatan adalah dengan menggiatkan lagi aktiviti-aktiviti engagement dan outreached. Aktiviti-aktiviti ini berjaya mendekatkan lagi LPKP Sarawak dengan masyarakat malah telah memberi kemudahan kepada pelanggan khasnya dan rakyat amnya terutama di kawasan bahagian/daerah yang jauh dari lokasi pejabat LPKP Sarawak untuk mendapatkan perkhidmatan LPKP Sarawak. Aktiviti engagement dan outreached ini berjaya diterjemahkan menerusi beberapa siri program seperti Kaunter Bergerak di beberapa lokasi di seluruh Sarawak disamping sesi dialog dan perjumpaan khas dengan pihak persatuan.

LPKP Sarawak sentiasa komited untuk terus melangkah ke hadapan serta meneroka peluang-peluang penambahbaikan khususnya bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan sejajar dengan visi dan misi LPKP. LPKP Sarawak akan terus peka dan mengambil pendekatan proaktif dan konstruktif dalam mengurus perubahan semasa khususnya dalam mendepani senario ekonomi semasa yang dinamik. Justeru itu aspek kualiti, dan nilai tambah akan sentiasa diberi keutamaan.

Sesungguhnya sesuatu kejayaan yang terukir adalah hasil daripada sokongan dan kerjasama erat oleh semua pihak. Sehubungan itu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YB Hajah Nancy binti Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Y.B. Tuan Haji Hasbi bin Habibollah (Pengerusi LPKP Sarawak), YBhg. Datuk Seri Othman bin Haji Mahmood (Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri) serta semua ahli Lembaga LPKP Sarawak. Jutaan terima kasih turut saya panjangkan kepada semua pegawai dan kakitangan LPKP Sarawak serta agensi-agensi yang telah turut sama terlibat dalam menjayakan aktiviti-aktiviti LPKP Sarawak pada tahun 2015. Semoga sokongan dan kerjasama erat ini berterusan serta melipat gandakan lagi kejayaan yang lebih positif pada masa akan datang

MOHAMAD KHAIRUL HAFIZ BIN JUNI
PENGARAH / SETIAUSAHA
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK

AHLI LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK TAHUN 2015

Y.B. Tuan Haji Hasbi Bin Habibollah
Pengerusi

YBhg. Dato' Peter Minos
Timbalan Pengerusi

Encik Khairul Hafiz Bin Juni
Setiausaha

Dr. Saadiah Abdul Samat
Ahli Lembaga

Encik Ibrahim Bin Othman
Ahli Lembaga

Tuan Haji Safri Bin Haji Zainudin
Ahli Lembaga

Supt. Mohamad Sar'ie Bin Fauzi
Ahli Lembaga

Encik Exquande Bin Hazmee
Ahli Lembaga

Encik David Jeli @ Faizal Bin Abdullah
Ahli Lembaga

Encik Chua Beng Seng
Ahli Lembaga

Encik Mohamad Razalie Bin Haji Hamden
Ahli Lembaga

DSP Alexon Naga Ak. Chabu
Ahli Silih Ganti

Encik Thian Kui Nyit
Ahli Silih Ganti

Encik Mohamad Johari Bin Mat Nor
Ahli Silih Ganti

Tiada Dalam Gambar: Tn. Hj. Mohamed Khaidir b. Abang (Ahli Silih Ganti), ASP. Heffyear ak. William Awet (Ahli Silih Ganti), En. Benjamin Garik Samuel (Ahli Silih Ganti)

STRUKTUR ORGANISASI LPKP SARAWAK

Seksyen 6 Akta LPKP 1987 (Pindaan 1998) menetapkan bahawa LPKP Sarawak hendaklah terdiri daripada sebelas (11) orang anggota yang dilantik oleh Menteri Jabatan Perdana Menteri iaitu :

vii) Pengerusi;

viii) Timbalan Pengerusi;

ix) Seorang wakil Kerajaan Negeri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi pengangkutan;

x) Seorang wakil Jabatan Pengangkutan Jalan;

xi) Seorang wakil Kementerian Persekutuan dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi perkara yang berhubung dengan pelesenan kenderaan perdagangan yang hendaklah menjadi Setiausaha Lembaga; dan

xii) Tidak lebih daripada enam orang lain yang pada pendapat Menteri mempunyai pengalaman luas atau pengetahuan khas mengenai perkara yang berhubung dengan pengangkutan.

Senarai Ahli Lembaga LPKP Sarawak bagi tahun 2015 adalah seperti di **Lampiran A**.

Keputusan berhubung pemberian lesen dan dasar-dasar dipertanggungjawabkan kepada Ahli Lembaga yang telah dilantik oleh Menteri. Operasi harian dan fungsi LPKP Sarawak berkaitan pengurusan pentadbiran dan kewangan, pelesenan serta penguatkuasaan dilaksanakan oleh organisasi yang diketuai oleh seorang Pengarah selaku Ketua Jabatan dibantu oleh dua orang Penolong Pengarah dan seorang Pegawai Penguatkuasa. Carta organisasi LPKP Sarawak adalah seperti di **Lampiran B**.

PIAGAM PELANGGAN LPKP SARAWAK

LPKP berjanji untuk memberi perkhidmatan yang mesra, cekap, berkualiti dan saksama kepada semua pelanggan. Semua permohonan yang lengkap dan memenuhi syarat akan diproses dalam tempoh masa seperti berikut :

PERKARA	TEMPOH
1. Permohonan Baru	30 hari bekerja
2. Permohonan Membaharui	10 hari bekerja

3. Ubah Syarat	10 hari bekerja
4. Surat Pemberitahuan Keputusan Permohonan Baru	1 hari bekerja
5. Cetakan Lesen	5 hari bekerja

1. PRESTASI

1.1 BELANJA MENGURUS DAN KUTIPAN HASIL

Peruntukan belanja mengurus LPKP Sarawak tahun 2015 adalah RM 3,900,424.67 berbanding dengan RM 3,786,669.28 pada tahun 2014 iaitu peningkatan sebanyak 1.03%. Manakala kutipan hasil tahunan LPKP Sarawak adalah RM 1,594,335.00 pada tahun 2014 dan RM 1,529,875.00 pada tahun 2015 iaitu penurunan sebanyak -0.96%. Ringkasan Perbandingan peruntukan belanja mengurus dan kutipan hasil pada tahun 2014 dan 2015 adalah seperti di **Jadual 1** dan **Carta 1**.

JADUAL 1
BELANJA MENGURUS TAHUN 2014 DAN 2015

TAHUN/ PERKARA	2014	2015	PENINGKATAN (+)/ (+/ PENGURANGAN (-) (%)
Belanja Mengurus	3,786,669.28	3,900,424.67	+ 1.03
Kutipan Hasil	1,594,335.00	1,529,875.00	- 0.96



1.2 PERJAWATAN

Sehingga **31 Disember 2015**, kedudukan perjawatan LPKP Sarawak adalah **66** jawatan dengan pengisian **64** jawatan dan **2** kekosongan**.** Kedudukan perjawatan di LPKP Sarawak adalah seperti di **Lampiran C.**

1.3 MESYUARAT LEMBAGA

Pada tahun 2015 LPKP Sarawak mengadakan **9 kali** Mesyuarat Lembaga. Mesyuarat diadakan bertujuan untuk membuat keputusan terhadap permohonan lesen kenderaan perdagangan, menggubal dasar baru, mengkaji semula dasar sedia ada serta membuat ketetapan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan kenderaan perdagangan. Rekod terperinci mesyuarat-mesyuarat yang telah diadakan adalah seperti di **Lampiran D**.

1.4 PERMOHONAN

LPKP Sarawak telah menimbang dan meluluskan permohonan lesen baru, membaharui lesen dan ubah syarat lesen seperti yang diperuntukkan di bawah Akta LPKP 1987 (Akta 334) seperti berikut:

1.4.1 Lesen Baru

Sebanyak **1,132** permohonan lesen baru telah diterima pada tahun 2015 berbanding **1,199** pada tahun 2014 iaitu penurunan sebanyak **(5.59%)**. Daripada bilangan tersebut, sebanyak **1,115** permohonan lesen diluluskan pada tahun 2015 berbanding **1,104** pada tahun 2014 iaitu peningkatan sebanyak **1%** permohonan lesen seperti di **Carta 2.**

CARTA 2



1.4.2 Membaharui Lesen

Sepanjang tahun 2015 sebanyak **5,117** permohonan membaharui lesen telah diterima berbanding **4,836** pada tahun 2014, iaitu peningkatan sebanyak **5.81%**. Daripada jumlah tersebut, **4,653** permohonan telah diluluskan pada tahun 2015 berbanding **4,562** permohonan bagi tahun 2014, iaitu peningkatan sebanyak **2%** seperti di **Carta 3.**

CARTA 3



1.4.3 Ubah Syarat Lesen

Sepanjang tahun 2015 sebanyak **4,830** permohonan ubah syarat lesen telah diterima berbanding **4,827** permohonan pada tahun 2014, iaitu sedikit peningkatan sebanyak **3** permohonan atau **0.06%.** Sebanyak **4,669** permohonan ubah syarat lesen telah diluluskan pada tahun 2015 berbanding **4,566** permohonan bagi tahun sebelumnya, iaitu peningkatan sebanyak **2.26%** seperti di **Carta 4.**

CARTA 4



JADUAL 3
RUMUSAN PERMOHONAN LESEN BARU, MEMBAHARUI DAN UBAH SYARAT LESEN TAHUN 2014 DAN 2015

JENIS PERMOHONAN	2014		2015	
	BILANGAN		BILANGAN	
	TERIMA	LULUS	TERIMA	LULUS
Baru	1,199	1,104	1,132	1,115
Membaharui	4,836	4,562	5,117	4,653
Ubah Syarat	4,827	4,566	4,830	4,669
JUMLAH	**10,862**	**10,232**	**11,079**	**10,437**

1.5 RAYUAN

Seksyen 27, Akta LPKP 1987 (Akta 334) telah memperuntukkan bahawa mana-mana pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat oleh Lembaga terhadap permohonan lesen baru, membaharui lesen dan pembatalan lesen, boleh membuat rayuan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun tiada rayuan permohonan lesen baru telah diterima pada tahun 2015.

1.6 PENDAFTARAN LESEN BARU

Sepanjang tahun 2015 sebanyak **2,263** lesen baru telah didaftarkan berbanding **2,366** lesen pada tahun 2014 iaitu penurunan sebanyak **103** lesen atau **(4.35%)** seperti di **Jadual 4.** Setiap lesen yang dikeluarkan akan dikira setelah kenderaan didaftar dan bayaran dijelaskan.

JADUAL 4
PENDAFTARAN LESEN BARU LPKP SARAWAK TAHUN 2014 DAN 2015

BIL.	KELAS LESEN	TAHUN	
		2014	2015
1.	Lori Pembawa 'A'	2004	2034
2.	Lori Pembawa 'C'	176	156
3.	Bas Berhenti-henti	10	4
4.	Bas Ekspres	2	1
5.	Bas Pekerja	42	-
6.	Bas Sekolah	51	16
7.	Bas Pengantara	-	-
8.	Bas Catar	-	-
9.	Kereta Sewa	27	18
10.	Kereta Sewa dan Pandu	37	-
11.	Teksi	17	12
12.	Teksi Mewah	-	-
13.	Teksi Lapangan Terbang	-	-
14.	Bas Mini	-	-
JUMLAH		**2,366**	**2,263**

1.7 KEDUDUKAN LESEN TERKUMPUL

Sehingga **31 Disember 2015**, lesen terkumpul LPKP Sarawak telah mengeluarkan sebanyak **35,481** lesen seperti ditunjukkan di **Jadual 5**.

JADUAL 5
KEDUDUKAN LESEN TERKUMPUL MENGIKUT KELAS LESEN & BAHAGIAN (SEHINGGA 31 DISEMBER 2015)

BAHAGIAN	BAS							LORI		TEKSI					
	BB	BC	BE	BM	BJ	BF	BS	LA	LC	TS	TP	TX	TT	TL	
BAU	15	-	-	-	2	-	41	166	77	18	-	6	-	-	325
BETONG	-	-	-	-	-	-	1	131	31	21	-	-	-	-	184
BINTULU	36	-	-	-	147	-	124	4407	451	125	-	201	-	-	5,491
KAPIT	-	-	-	-	-	-	8	70	12	70	-	-	-	-	160
KUCHING	150	-	189	-	170	14	484	8008	2548	123	709	577	-	14	12,986
LIMBANG	10	-	2	-	-	-	26	410	53	10	-	47	-	-	558
LUNDU	-	-	-	-	-	-	7	35	56	6	-	3	-	-	107
MIRI	121	-	103	-	66	-	221	4149	1054	17	-	305	-	-	6,036
MUKAH	13	-	11	-	8	-	3	130	84	23	-	8	-	-	280
SAMARAHAN	7	-		-	10	7	90	580	457	208	-	37	-	-	1,396
SARIKEI	54	-	24	-	2	-	24	832	108	12	-	42	-	-	1,098
SIBU	84	-	40	-	7	-	67	5205	542	102	-	261	-	-	6,308
SRI AMAN	-	-	-	-	-	-	3	351	197	18	-	10	-	-	579
JUMLAH MENGIKUT KELAS LESEN	490	-	369	-	412	21	1,099	24,447	5,670	753	709	1,497	-	14	
JUMLAH MENGIKUT KATEGORI	2,391							30,117		2,973					
JUMLAH KESELURUHAN	35,481														

1. TT :	TEKSI LAPANGAN TERBANG	6. BC :	BAS CARTER	11. BM :	BAS MINI
2. TL :	TEKSI MEWAH	7. BE :	BAS EKSPRES	12. BS :	BAS SEKOLAH
3. TP :	KERETA SEWA PANDU	8. BB :	BAS BERHENTI-HENTI	13. LA :	PEMBAWA A
4. TS :	KERETA SEWA	9. BF :	BAS PENGANTARA	14. LC :	PEMBAWA C
5. TX :	TEKSI	10. BJ :	BAS PEKERJA		

1.8 ADUAN DAN PENGUATKUASAAN

Seksyen 25 Akta LPKP 1987 (Akta 334) membolehkan tindakan diambil tehadap pelesen yang didapati melanggar mana-mana peraturan dan syarat lesen dengan membatal atau menggantung lesen mengikut kesalahan yang dilakukan.

Sepanjang tahun 2015, sebanyak 84 aduan telah diterima dan 218 kompaun telah ditawarkan. Di antara aduan yang telah diterima ialah pelesen beroperasi di luar kawasan, memendekkan laluan serta meletakkan kenderaan di tempat yang tidak dibenarkan.

Tindakan penguatkuasaan bagi memantau pematuhan Akta LPKP 1987 (Akta 334) dan kaedah-kaedah di bawahnya telah ditingkatkan dengan kerjasama daripada pelbagai pihak seperti PDRM dan JPJ. Aktiviti penguatkuasaan yang telah dijalankan adalah seperti berikut.

1.8.1 Operasi Bersepadu Antara Cawangan

i. Sejajar dengan kehendak Seksyen 20, Akta LPKP (Akta 334) adalah menjadi keutamaan pelesen untuk memenuhi syarat-syarat berkanun lesen dan ciri-ciri keselamatan kenderaan.

ii. Sehubungan dengan itu, operasi bersepadu antara cawangan telah dijalankan sebanyak **4 kali**. Kaedah penguatkuasaan yang digunakan adalah secara statik dan sekatan jalan raya dengan penyertaan daripada pihak JPJ. Operasi ini telah memberi kesedaran mendalam kepada pengusaha kenderaan perdagangan di Sarawak tentang kesalahan yang dilakukan terutamanya berhubung pelanggaran syarat berkanun dan syarat permit yang telah ditetapkan oleh Lembaga seperti terkandung dalam Seksyen 19, Akta LPKP 1987 (Akta 334).

1.8.2 Operasi Bersepadu Antara Agensi Penguatkuasaan

i. Sebanyak 4 operasi bersepadu telah dijalankan bersama agensi penguatkuasaan seperti Polis Di Raja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR), PUSPAKOM, Jabatan Alam Sekitar (JAS), dan Jabatan Tanah dan Survei. Daripada 4 Operasi yang dijalankan, 1 operasi telah dijalankan di Zon Selatan dan 2 operasi masing-masing di Zon Tengah dan 1 operasi di Zon Utara.

ii Dengan adanya kerjasama sebegini, agensi penguatkuasaan di Sarawak telah berjaya memberi kesedaran keselamatan dan pematuhan syarat lesen oleh pengusaha termasuk pemandu kenderaan barangan dan pengangkutan awam.

1.8.3 Pemeriksaan Mengejut di Terminal Bas

i. Sepanjang tahun 2015, Bahagian Penguatkuasaan LPKP Sarawak telah melakukan 9 pemeriksaan mengejut di terminal bas ekspres seluruh Sarawak meliputi Kuching, Sibu, Bintulu dan Miri.

ii. Pemeriksaan dilakukan ke atas bas ekspres meliputi lesen pembawa, pemeriksaan fizikal bas, buku log dan lesen pemandu. Hasil pemeriksaan tersebut telah meningkatkan kesedaran tentang aspek-aspek keselamatan kepada pengusaha selain menambah keyakinan penumpang terhadap kualiti perkhidmatan pengangkutan awam di negeri ini.

1.8.4 Pemeriksaan Mengejut Terhadap Pemandu Teksi

i. Pemeriksaan mengejut terhadap pemandu teksi telah dijalankan sebanyak 45 kali pada tahun 2015. Pemantauan tersebut meliputi etika pemandu seperti pakaian seragam, tambang yang dikenakan dan keadaan fizikal kenderaan. Operasi berterusan anggota penguatkuasa di hotel-hotel dan lapangan terbang memberi kesedaran kepada pemandu teksi untuk lebih berwaspada dan mementingkan kualiti perkhidmatan.

1.8.5 Pemeriksaan Buku Log Bas Ekspres

i. Pemeriksaan buku log bas ekspres telah dilakukan sebanyak 9 kali pada tahun 2015. Pemandu atau pengusaha bas ekspress dikehendaki mematuhi Kaedah 10, Kaedah-Kaedah Lalulintas 1959 (LN/166/1959) melalui pemeriksaan di lokasi-lokasi yang telah ditetapkan di seluruh negeri Sarawak. Pemeriksaan buku log juga dilaksanakan bertujuan untuk memeriksa penggiliran pemandu setiap 4 jam bagi perjalanan yang tidak melebihi 300km. Walau bagimanapun, tiada kompaun dikeluarkan atas kesalahan ini sepanjang tahun.

1.8.6 Pemantauan Laluan Serta Etika Pemandu Bas dan Kereta Sewa

i. Memastikan bas dan kereta sewa mematuhi laluan-laluan yang diluluskan supaya dapat memberi perkhidmatan lebih efisien kepada pengguna serta mengelakkan daripada timbulnya persaingan sesama pengusaha perkhidmatan awam di negeri ini.

ii. Sepanjang tahun 2015, operasi penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh LPKP Sarawak telah meningkatkan pematuhan pelesen terhadap syarat-syarat lesen kenderaan perdagangan walaupun kekuatan anggota penguatkuasa di LPKP Sarawak adalah masih terhad. Komitmen daripada agensi penguatkuasaan lain turut sama membantu LPKP Sarawak dalam memastikan objektif Jabatan dapat dicapai. Tindakan penguatkuasaan telah diambil ke atas kes-kes aduan dan tangkapan seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
BILANGAN ADUAN YANG DITERIMA DAN TINDAKAN KE ATAS ADUAN MENGIKUT KELAS LESEN 2015

KELAS LESEN	ADUAN	TINDAKAN KE ATAS ADUAN					
		KOMPAUN	AMARAN	GANTUNG	BATAL	TUTUP KES/ BEBAS	DALAM SIASATAN
Lori Pembawa 'A'	56	6	2	-	-	1	47
Lori Pembawa 'C'	8	-	3	-	-	-	5
Bas Berhenti-Henti	1	-	-	-	-	-	1
Bas Ekspres	5	1	1	-	-	-	3
Bas Mini	-	-	-	-	-	-	-
Bas Sekolah	1	-	-	-	-	-	-
Bas Catar	-	1	-	-	-	-	-
Bas Pengantara	-	-	-	-	-	-	-
Kereta Sewa	1	-	-	-	-	-	1
Kereta Sewa dan Pandu	-	-	-	-	-	-	-
Teksi	12	2	1	-	-	1	8
Teksi Mewah/Limosin	-	-	-	-	-	-	-
Teksi Lapangan Terbang	-	-	-	-	-	-	-
JUMLAH	**84**	**10**	**7**	**-**	**-**	**2**	**65**

iii. Selain daripada aduan-aduan yang diterima, tindakan penguatkuasaan juga dijalankan. Sepanjang tahun 2015, jumlah tangkapan adalah sebanyak 334 untuk semua jenis kelas lesen. 218 daripadanya telah ditawarkan kompaun, 7 dikeluarkan amaran, 31 masih dalam siasatan dan 78 kes telah ditutup. Perincian bilangan tangkapan mengikut kelas lesen dan jenis tindakan yang dikenakan dijelaskan dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
TINDAKAN KE ATAS KES-KES TANGKAPAN PENGUATKUASAAN MENGIKUT KELAS LESEN TAHUN 2015

KELAS LESEN	BILANGAN TANGKAPAN	JENIS TANGKAPAN					
		KOMPAUN	AMARAN	GANTUNG	BATAL	TUTUP KES/ BEBAS	DALAM SIASATAN
Lori Pembawa 'A'	259	181	2	-	-	52	24
Lori Pembawa 'C'	15	4	3	-	-	5	3
Bas Berhenti-Henti	2	-	-	-	-	2	-
Bas Ekspres	16	10	1	-	-	5	-
Bas Mini	-	-	-	-	-	-	-
Bas Sekolah	4	3	-	-	-	1	-
Bas Catar	-	-	-	-	-	-	-
Bas Pengantara	-	-	-	-	-	-	-
Kereta Sewa	16	11	-	-	-	5	-
Kereta Sewa dan Pandu	-	-	-	-	-	-	-
Teksi	22	9	1	-	-	8	4
Teksi Mewah/Limosin	-	-	-	-	-	-	-
Teksi Lapangan Terbang	-	-	-	-	-	-	-
JUMLAH	**334**	**218**	**7**	**-**	**-**	**78**	**31**

1.8.7 Gambar Aktiviti Penguatkuasaan Sepanjang Tahun 2015

PEMANTAUAN LALUAN DAN ETIKA PEMANDU BAS DAN KERETA SEWA

PEMERIKSAAN MENGEJUT DI TERMINAL BAS



PEMERIKSAAN MENGEJUT TERHADAP PEMANDU TEKSI

1.9 DASAR-DASAR DAN PERATURAN-PERATURAN BARU TAHUN 2015

Sepanjang tahun 2015, LPKP Sarawak telah memperkenalkan pelbagai dasar, kaedah, dan peraturan baru bagi tujuan ke arah penambahbaikan dasar sedia ada seperti berikut:

1.9.1 Penambahbaikan Pada Dasar Pengeluaran Lesen Baru Bagi Teksi Dan Kereta Sewa

i. Lembaga pada Mesyuarat Lembaga Bil.6/2015 dan Bil.7/2015 telah bersetuju membuat penambahbaikan pada dasar pengeluaran lesen baru bagi teksi dan kereta sewa sedia ada untuk bahagian penolong pemandu seperti berikut:

a) Penolong Pemandu yang hendak dilantik mestilah terdiri daripada ahli keluarga terdekat seperti bapa / ibu / anak / suami / isteri / abang / kakak / adik. Pelantikan Penolong Pemandu selain daripada keluarga terdekat tertakluk kepada kelulusan Lembaga. Alasan yang kukuh dan meyakinkan Lembaga perlu dikemukakan.

1.9.2 Penambahbaikan Pada Dasar Pengeluaran Lesen Baru Bagi Teksi Eksekutif

i. Lembaga pada Mesyuarat Lembaga Bil.8/2015 telah bersetuju membuat penambahbaikan pada dasar pengeluaran lesen baru bagi teksi eksekutif sedia ada dengan mewajibkan semua Teksi Eksekutif untuk meletakkan nama pangkalan teksi pada kedua-dua pintu hadapan kenderaan. Syarat keseluruhan bagi Tanda Pengenalan Teksi Eksekutif adalah seperti berikut:

a) Tanda Pengenalan Teksi Eksekutif

- Warna teksi eksekutif ialah biru muda (Candy Blue CT005 - Special, Mercury Paints);
- Setiap teksi eksekutif perlu dipasang penanda berwarna *PUTIH* di atasnya dengan tulisan *"TEKSI EKSEKUTIF"* yang ditulis menggunakan warna hitam;
- Huruf dan nombor pada plet pendaftaran kenderaan perlulah berwarna hitam dan dipaparkan di atas permukaan putih;
- **Nama Pelesen dan pangkalan teksi beroperasi tercatat di atas kedua pintu hadapan kenderaan.**

b) Penolong Pemandu

- Penolong Pemandu yang hendak dilantik mestilah terdiri daripada ahli keluarga terdekat seperti bapa / ibu / anak / suami / isteri / abang / kakak / adik. Pelantikan Penolong Pemandu selain daripada keluarga terdekat tertakluk kepada kelulusan Lembaga. Alasan yang kukuh dan meyakinkan Lembaga perlu dikemukakan beserta dokumen Laporan Perubatan daripada Pengamal Perubatan untuk pertimbangan.

1.9.3 Penambahan Kawasan Operasi Bagi Teksi (Bajet & Eksekutif) Ke "Bahagian Serian, Sri Aman & Betong" Pada Lesen Kenderaan Perdagangan

i. Lembaga pada Mesyuarat Lembaga Bil.9/2015 telah bersetuju untuk meluluskan penambahan kawasan operasi bagi teksi (bajet & eksekutif) yang sedia dengan laluan "Bahagian Kuching & Samarahan" kepada "Bahagian Kuching, Samarahan, Serian, Sri Aman & Betong". Tujuan penambahan ini dilakukan untuk memberi kemudahan pelesen teksi tempatan meluaskan kawasan operasi mereka.

Penambahan ini juga melibatkan permohonan baru dan permohonan ubahsyarat yang masih dalam peringkat proses secara automatik.

1.10 KAUNTER BERGERAK / *FYING SQUAD* LPKP SARAWAK TAHUN 2015

i) PROGRAM *FLYING SQUAD* BAGI ZON UTARA

20.01.2015 – 22.01.2015 **Program Kaunter Bergerak / *Flying Squad* di Bintulu**	**28.09.201 5 – 30.09.2015** **Program Kaunter Bergerak / *Flying Squad* di Bintulu**
11.02.2015 **Program Kaunter Bergerak / *Flying Squad* di Lawas**	**28.07.2015 – 30.07.2015** **Program Kaunter Bergerak / *Flying Squad* di Bintulu**
12.02.2015 – 13.02.2015 **Program Kaunter Bergerak / *Flying Squad* di Limbang**	**25.08.2015 – 27.08.2015** **Program Kaunter Bergerak / *Flying Squad* di Bintulu**
24.02.2015 – 26.02.2015 **Program Kaunter Bergerak / *Flying Squad* di Bintulu**	**9.09.2015** **Program Kaunter Bergerak / *Flying Squad* di Lawas**
24.03.2015 – 26.03.2015 **Program Kaunter Bergerak / *Flying Squad* di Bintulu**	**10.09.2015 – 11.09.2015** **Program Kaunter Bergerak / *Flying Squad* di Limbang**

8.04.2015 **Program Kaunter Bergerak / *Flying Squad* di Lawas**	**28.09.2015 – 30.09.2015** **Program Kaunter Bergerak / *Flying Squad* di Bintulu**
9.04.2015 – 10.4.2015 **Program Kaunter Bergerak / *Flying Squad* di Limbang**	**20.10.2015 – 22.10.2015** **Program Kaunter Bergerak / *Flying Squad* di Bintulu**
21.04.2015 – 23.04.2015 **Program Kaunter Bergerak / *Flying Squad* di Bintulu**	**11.11.2015** **Program Kaunter Bergerak / *Flying Squad* di Lawas**
26.05.2015 – 28.05.2015 **Program Kaunter Bergerak / *Flying Squad* di Bintulu**	**12.11.2015 – 13.11.2015** **Program Kaunter Bergerak / *Flying Squad* di Limbang**
10.06.2015 **Program Kaunter Bergerak / *Flying Squad* di Lawas**	**24.11.2015 – 26.11.2015** **Program Kaunter Bergerak / *Flying Squad* di Bintulu**
11.06.2015 – 12.06.2015 **Program Kaunter Bergerak / *Flying Squad* di Limbang**	**15.12.2015 – 17.12.2015** **Program Kaunter Bergerak / *Flying Squad* di Bintulu**
23.06.2015 – 25.06.2015 **Program Kaunter Bergerak / *Flying Squad* di Bintulu**	**10.09.2015 – 11.09.2015** **Program Kaunter Bergerak / *Flying Squad* di Limbang**

ii) PROGRAM *FLYING SQUAD* BAGI ZON TENGAH

25.03.2015 – 27.03.2015 **Program Kaunter Bergerak / *Flying Squad* di Kapit / Song**	**7.09.2015 – 9.09.2015** **Program Kaunter Bergerak / *Flying Squad* di Mukah / Balingian / Matu / Daro**
20.4.2015 – 22.04.2015 **Program Kaunter Bergerak / *Flying Squad* di Mukah / Balingian / Matu / Daro**	**28.09.2015 – 30.09.2015** **Program Kaunter Bergerak / *Flying Squad* di Mukah / Balingian / Matu / Daro**
27.04.2015 – 29.04.2015 **Program Kaunter Bergerak / *Flying Squad* di Mukah / Balingian / Matu / Daro**	**19.10.2015 – 21.10.2015** **Program Kaunter Bergerak / *Flying Squad* di Sarikei / Bintangor**
18.05.2015 – 20.05.2015 **Program Kaunter Bergerak / *Flying Squad* di Sarikei / Bintangor**	**26.10.2015** **Program Kaunter Bergerak / *Flying Squad* di Sarikei / Bintangor**

25.05.2015 **Program Kaunter Bergerak / *Flying Squad* di Sarikei / Bintangor**	**30.11.2015** **Program Kaunter Bergerak / *Flying Squad* di Tanjung Manis**
24.08.2015 – 26.08.2015 **Program Kaunter Bergerak / *Flying Squad* di Kapit / Song**	**14.12.2015** **Program Kaunter Bergerak / *Flying Squad* di Kanowit**

SIRI MESYUARAT LEMBAGA BAGI TAHUN 2015

SIRI	TARIKH	TEMPAT
1/2014	17 FEBRUARI 2015	BILIK MESYUARAT UTAMA LPKP
2/2014	17 APRIL 2015	BILIK MESYUARAT UTAMA LPKP
3/2014	5 MEI 2015	BILIK MESYUARAT UTAMA LPKP
4/2014	29 MEI 2015	BILIK MESYUARAT UTAMA LPKP
5/2014	23 JUN 2015	BILIK MESYUARAT UTAMA LPKP
6/2014	8 JULAI 2015	DEWAN PRINKLE, TINGKAT 7, HOTEL MERITZ MIRI
7/2014	19 OGOS 2015	BILIK MESYUARAT UTAMA LPKP
8/2014	5 OKTOBER 2015	BILIK MESYUARAT UTAMA LPKP
9/2014	20 NOVEMBER 2015	BILIK MESYUARAT UTAMA LPKP

1.11 GAMBAR AKTIVITI LPKP SARAWAK SEPANJANG TAHUN 2015

Program Penyediaan Pelan Strategik 2015 – 2020 Pada 27 – 29 Mac 2015

LAWATAN TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN (TKSUK)
YBHG. DATUK SERI OTHMAN BIN MAHMOOD
KE IBU PEJABAT LPKP SARAWAK YANG BAHARU PADA MEI 2015

HARI BERSAMA PELANGGAN 17-18.11.2015

KURSUS TEKSI ANJURAN LPKP SARAWAK PADA 19.11.2015

1.12 PROSPEK

LPKP Sarawak terus komited dalam memastikan industri kenderaan perdagangan di negeri Sarawak terus berkembang pesat dan berdaya saing tinggi. Penambaikan yang berterusan akan terus diberi perhatian bagi mengukuhkan lagi elemen-elemen penting dalam penyampaian perkhidmatan LPKP Sarawak selari dengan kehendak semasa. Ini termasuk daripada aspek pengukuhan perkhidmatan pelesenan yang menjadi tunjang perkhidmatan LPKP Sarawak, penguatkuasaan yang berkesan serta dasar-dasar yang pragmatik dengan keperluan semasa.

LPKP Sarawak turut akan terus konsisten dalam memberi perhatian tinggi terhadap kelestarian pengangkutan awam darat. Dalam mengukuh upayakan kelestarian industri dan perkhidmatan ini, LPKP Sarawak akan terus memberi fokus penerapan empat elemen utama iaitu Keselesaan, Keselamatan, Keceriaan dan Ketepatan (4K) dalam aspek perancangan, pelaksanaan dan dasar-dasar yang berkaitan dengan pengangkutan awam darat. Penerapan elemen-elemen ini mengambil kira serta mengambil perhatian terhadap ekspektasi pengguna berdasarkan keperluan terkini dan prospek pada masa akan datang.

Pendekatan ‘Merakyatkan Perkhidmatan’ akan terus menjadi teras dan strategi LPKP Sarawak. Menerusi pendekatan ini, LPKP Sarawak akan terus mengambil langkah proaktif dengan mengadakan pelbagai program yang mensasarkan pelesen-pelesen LPKP Sarawak khasnya dan masyarakat amnya. Pelbagai program telah dilaksanakan berteraskan pendekatan ini seperti Kaunter Bergerak / Flying squad, sesi dialog/perjumpaan dengan pihak-pihak persatuan, Hari Bersama Pelanggan dan seumpamanya. Program-program ini telah memberi manfaat khususnya kepada pelanggan-pelanggan untuk berurusan dengan LPKP Sarawak terutama di bahagian/daerah yang berada jauh dari lokasi pejabat LPKP Sarawak. Maklumbalas dan cadangan oleh pelanggan dan orang ramai menerusi pelbagai program ‘Merakyatkan Perkhidmatan’ ini turut akan terus dijadikan input oleh LPKP Sarawak dalam menambah baik dan menambah nilai perkhidmatan LPKP Sarawak dari semasa ke semasa.

Aspek penguatkuasaan turut akan terus diberi perhatian tinggi oleh LPKP Sarawak. Disamping tindakan penguatkuasaan yang berkesan, LPKP Sarawak turut akan terus memberi perhatian terhadap pendekatan advokasi serta kesedaran kepada pelesen-pelesen agar memberi kerjasama sepenuhnya dalam memastikan Akta LPKP 1987 (334) dipatuhi sepenuhnya. Kerjasama strategik antara agensi turut akan terus diperkasakan selaras dengan strategi NBOS. Strategi ini telah berjaya dalam memastikan liputan penguatkuasaan yang lebih meluas, mengoptimumkan sumber serta meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan. LPKP Sarawak akan terus mengkaji langkah-langkah dan strategi-strategi berkesan dari semasa-kesemasa bagi memastikan penguatkuasaan yang mampan sejajar dengan senario samasa.

2. PENUTUP

LPKP Sarawak sentiasa berusaha dan mengambil tindakan proaktif untuk meningkatkan sistem penyampaian serta memastikan industri kenderaan perdagangan terus menyokong keperluan kepesatan ekonomi semasa. Dasar-dasar pelesenan kenderaan perdagangan yang pragmatik dan berdaya saing tinggi akan terus diberi penekanan tinggi. Aspek penguatkuasaan terhadap peraturan-peraturan lesen dibawah Akta LPKP 1987 (334) akan terus dipertingkatkan secara berkesan, telus dan berintegriti. LPKP Sarawak akan terus meneroka ruang-ruang penambahbaikan dan tambah nilai perkhidmatan selaras dengan visi LPKP untuk menerajui transformasi perkhidmatan pelesenan kenderaan perdagangan bertaraf dunia.

LAMPIRAN A

SENARAI AHLI LEMBAGA LPKP SARAWAK 2015

BIL.	NAMA	JAWATAN	TARIKH LANTIK	TARIKH TAMAT
1.	Y.B. Tuan Haji Hasbi bin Habibollah	Pengerusi	01.06.2014	31.05.2016
2.	Y.B. Dato' Peter Minos	Timbalan Pengerusi	01.11.2014	31.10.2016
3.	Encik Mohamad Khairul Hafiz Bin Juni	Setiausaha Lembaga	01.08.2014	31.07.2016
4.	Tuan Haji Safri Bin Haji Zainudin	Ahli (MIDCOM)	01.11.2015	31.10.2017
.	Dr. Saadiah Abdul Samat	Ahli (DBKU)	01.03.2014	29.02.2016
6.	Tuan Ibrahim bin Othman	Ahli (JPJ)	15.02.2015	14.02.2017
7.	Superintenden Mohammad Sar'ie Bin Fauzi	Ahli (PDRM)	01.10.2014	30.09.2016
8.	Encik Exquande Bin Hazmee	Ahli (PUSPAKOM)	01.06.2015	31.05.2017
9.	Encik David Jeli @ Faizal Abdullah	Ahli (NGO)	01.08.2014	31.07.2016
10.	Encik Chua Beng Seng	Ahli (NGO)	01.08.2014	31.07.2016
11.	Encik Mohamad Razalie bin Haji Hamden	Ahli (NGO)	01.10.2015	30.09.2017
12.	Encik Thian Kui Nyit	Ahli Silihganti (MIDCOM)	01.08.2014	31.07.2016
13.	Tuan Haji Mohamed Khaidir bin Abang	Ahli Silihganti (DBKU)	01.03.2014	29.02.2016
14.	Mohamad Johari Bin Mat Nor	Ahli Silihganti (JPJ)	13.03.2015	12.03.2017
15.	ASP. Heffyear ak. William Awet	Ahli Silihganti (PDRM)	01.08.2014	31.07.2016
16.	DSP. Alexson Naga ak. Chabu	Ahli (PDRM)	01.08.2014	31.07.2016
17.	Encik Benjamin Garik Samuel	Ahli Silihganti (PUSPAKOM)	01.03.2014	29.02.2016

LAMPIRAN B

CARTA ORGANISASI LPKP SARAWAK TAHUN 2015



LAMPIRAN C

PERJAWATAN LPKP SARAWAK TAHUN 2015

BIL.	JAWATAN	GRED JAWATAN	BIL. JAWATAN	DIISI	KOSONG
LPKP SARAWAK, IBU PEJABAT, KUCHING					
1.	Pengarah	PTD M48	1	1	0
2.	Penolong Pengarah	PTD M41/ M44	2	2	0
3.	Pegawai Penguatkuasa	N41/N44	1	1	0
4.	Penolong Pegawai Tadbir	N32	1	1	0
5.	Penolong Pegawai Penguatkuasa	N32	1	1	0
6.	Penolong Akauntan	W32	1	1	0
7.	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	F32	1	1	0
8.	Penolong Pegawai Tadbir	N27/ N32	1	1	0
9.	Penolong Pegawai Penguatkuasa	N27/ N32	1	1	0
10.	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W22	1	1	0
11.	Pembantu Tadbir (P/O)	N22	2	2	0
12.	Pembantu Penguatkuasa	N17/ N22	1	1	0
13.	Pembantu Tadbir (P/O)	N17/ N22	12	12	0
14.	Setiausaha Pejabat	N17/ N22	1	1	0
15.	Pegawai Khidmat Pelanggan (KUP)	N17/ N22	1	1	0
16.	Juruteknik Komputer	FT17/ FT22	1	1	0
17.	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W17/ W22	2	2	0
18.	Pemandu Kenderaan	H11/ H14	2	2	0
19.	Pembantu Operasi	N11/ N14	6	6	0
20.	Pembantu Awam	H11/ H14	2	2	0
LPKP CAWANGAN ZON TENGAH, SIBU					
21.	Penolong Pegawai Tadbir	N32	1	1	0
22.	Penolong Pegawai Penguatkuasa	N27/ N32	1	0	1
23.	Pembantu Tadbir (P/O)	N22	1	1	0
24.	Pembantu Penguatkuasa	N22	1	1	0
25.	Pembantu Tadbir (P/O) KUP	N17/ N22	4	4	0
26.	Pembantu Tadbir (P/O)	N17/ N22	1	1	0
27.	Pembantu Penguatkuasa	N17/ N22	2	2	0
28.	Pemandu Kenderaan	H11/ H14	1	1	0
29.	Pembantu Operasi	N11/ N14	1	1	0
LPKP CAWANGAN ZON UTARA, MIRI					
30.	Penolong Pegawai Tadbir	N32	1	1	0
31.	Penolong Pegawai Penguatkuasa	N27/ N32	1	0	1

BIL.	JAWATAN	GRED JAWATAN	BIL. JAWATAN	DIISI	KOSONG
32.	Pembantu Tadbir (P/O)	N22	1	1	0
33.	Pembantu Penguatkuasa	N22	1	1	0
34.	Pembantu Tadbir (P/O)	N17/ N22	4	4	0
35.	Pembantu Penguatkuasa	N17/ N22	2	2	0
36.	Pemandu Kenderaan	H11/ H14	1	1	0
37.	Pembantu Operasi	N11/ N14	1	1	0
JUMLAH			**66**	**64**	**2**

LAMPIRAN D

MESYUARAT LEMBAGA LPKP SARAWAK TAHUN 2014

BIL.	MESYUARAT	TEMPAT	TARIKH
1.	Mesyuarat Lembaga Bil.01/2014	Bilik Mesyuarat LPKP Sarawak Jalan Nanas	27 Januari 2014
2.	Mesyuarat Lembaga Bil.02/2014	Pusat Khidmat Wakil Rakyat Limbang	4 Mac 2014
3.	Mesyuarat Lembaga Bil.03/2014	Bilik Mesyuarat LPKP Sarawak Jalan Nanas	30 April 2014
4.	Mesyuarat Lembaga Bil.04/2014	Bilik Mesyuarat LPKP Sarawak Jalan Nanas	26 Jun 2014
5.	Mesyuarat Lembaga Bil.05/2014	Bilik Mesyuarat LPKP Sarawak Jalan Nanas	24 Julai 2014
6.	Mesyuarat Lembaga Bil.06/2014	Bilik Mesyuarat LPKP Sarawak Jalan Nanas	21 Ogos 2014
7.	Mesyuarat Lembaga Bil.07/2014	Bilik Mesyuarat LPKP Sarawak Jalan Nanas	12 September 2014
8.	Mesyuarat Lembaga Bil.08/2014	Bilik Mesyuarat LPKP Sarawak Jalan Nanas	20 Oktober 2014
9.	Mesyuarat Lembaga Bil.09/2014	Bilik Mesyuarat LPKP Sarawak Jalan Nanas	28 November 2014

LAMPIRAN E

DIREKTORI KORPORAT

LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (LPKP) SARAWAK

IBU PEJABAT, KUCHING

Pengarah
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak
Tingkat 12, Bangunan Sultan Iskandar
Jalan Simpang Tiga
93400 Kuching, Sarawak
Tel : 082- 412 033
Faks : 082-256 757
http://www.lpkpsarawak.gov.my

CAWANGAN SIBU

Ketua Cawangan
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak
Cawangan Sibu
Tingkat 3, Blok 1
Wisma Persekutuan
Jalan Awang Ramli Amit
96000 Sibu, Sarawak
Tel : 084-343 103
Faks : 084-343 940

CAWANGAN MIRI

Ketua Cawangan
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan
Cawangan Miri
Tingkat Bawah, Blok B
Wisma Persekutuan Fasa II
Jalan Cahaya Lopeng
98000 Miri, Sarawak
Tel : 085-419 876
Faks : 085-426 285